



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (61)

Tarikh : 7 Mei 2017

## **SIARAN MEDIA**

### **Majlis Perasmian Program AZAM Bandar: Projek Harapan (Zon Utara)**

Bukit Merah, 7 Mei 2017 – YB Dato' Haji Badrol Hisham Bin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga Kedah menyempurnakan majlis perasmian Program AZAM (Akhiri Zaman Miskin) Bandar: Projek Harapan (Zon Utara). Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Halimi Bin Abd. Manaf Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

2. Program AZAM Bandar (Zon Utara) dilaksanakan bermula 6 -12 Mei 2017 dan ia merupakan kursus pembukaan bagi tahun 2017. Ia melibatkan 120 orang peserta dari negeri Perak dan Kedah dan dilaksanakan oleh Pertubuhan Kebajikan Mahabbah Malaysia (MAHABBAH). Peserta-peserta ini sedang menjalani kursus selama 7 hari yang meliputi Program Pembangunan Minda Insan (1 hari), Program Pembangunan Keusahawanan dan Celik Kewangan (1 hari) dan Program Bina Upaya di mana peserta akan diajar secara teknikal mengikut kursus yang dihadiri selama 5 hari.

3. Antara kursus-kursus yang ditawarkan kepada peserta adalah berkaitan penyediaan makanan dan minuman, jahitan, pengurusan kediaman, peruncitan dan spa. Setiap kursus yang dijalankan adalah mengikut Modul Latihan Program AZAM Bandar yang telah disediakan.

4. Untuk rekod, Program AZAM Bandar: Projek Harapan ini dilaksanakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bermula sejak tahun 2013. Program ini bermatlamat untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran iaitu golongan berpendapatan 40% terendah (B40) di bandar yang berdaftar dan disahkan status kemiskinan di dalam sistem eKasih supaya mampu mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kemiskinan.

5. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO). NGO yang terpilih dikehendaki melaksanakan proses pencarian peserta,

menjalankan latihan kemahiran dan keusahawanan, membekalkan peralatan dan melaksanakan pemantauan. Bagi pelaksanaan program ini untuk tahun 2017, jumlah peruntukan yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, JPM kepada KPKT adalah sebanyak RM10 juta, dengan menyasarkan untuk melatih 850 orang peserta.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555*

*Faks : 03-8891 5557*

*E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)*